

Kenali lima ciri pendera

» Kes **keganasan rumah tangga** menunjukkan peningkatan membimbangkan

Oleh **Nor Afzan Mohamad Yusof**
afzan@mediaprima.com.my

Kes keganasan rumah tangga di negara ini ternyata belum terungkit, sebaliknya terus membimbangkan. Laporan akhbar, baru-baru ini menyatakan sebanyak 9,938 kes membabitkan keganasan rumah tangga dilaporkan kepada polis dalam tempoh tiga tahun bermula 2010.

Sepanjang tempoh itu, kes berkenaan menunjukkan peningkatan membimbangkan dengan 3,173 kes direkodkan pada 2010, 3,277 kes (2011) dan ia terus meningkat kepada 3,488 kes, tahun lalu.

Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Harjeet Singh, dalam laporan itu berkata, peningkatan dari setahun ke setahun itu amat membimbangkan dan usaha berterusan sedang dilakukan kementeriaannya bagi menangani serta mengurangkan angka berkenaan.

Kata Harjeet, antaranya langkah diambil ialah penggubalan dasar dan perundangan, penyediaan perkhidmatan sokongan serta pelaksanaan program, yang dapat menyedarkan masyarakat mengenai isu ini.

Perselisihan faham dikenal pasti punca utama keganasan rumah tangga, yang berlaku sepanjang tahun lalu dengan menyumbang 2,300 kes diikuti masalah kewangan (541 kes), mabuk (188 kes) dan curang sebanyak 93 kes.

Dari segi umur pula, pa-

rumah tangga turut membabitkan mangsa lelaki dengan 930 kes yang dilaporkan daripada keseluruhan 3,488 kes tahun lalu, membabitkan lelaki.

Erti kasih sayang

Hakikatnya, apakah makna kasih dan sayang, sekiranya hati tidak pernah tenteram dan aman apabila bersama orang dicintai. Segala-gala dilakukan bagaikan tidak kena dan salah belaka di matanya. Silap sedikit, sepak terajang diterima.

Pedih dan sakit hati hingga menjeruk rasa? Itukah tanda perhubungan dibina bakal menuju kehancuran? Sebuah organisasi antarabangsa, mendedahkan satu daripada empat wanita, akan menjadi mangsa penderaan pasangan masing-masing. Penderaan berlaku dalam semua jenis lapisan masyarakat tanpa mengira jumlah pendapatan serta latar belakang agama

dan kaum.

Dalam satu artikel, Shannon Symonds yang berpengalaman 14 tahun sebagai peguam bela bagi keluarga mengalami penderaan domestik atau seksual, memberikan lima tanda penderaan domestik atau rumah tangga:

1. Ketidakseimbangan kuasa dan kawalan

Pendera biasanya menyimpan perasaan bahawa mangsa akan meninggalkannya, atau mempunyai hubungan sulit dengan orang lain. Sering kali, mangsa tidak berupaya untuk melakukan apa-apa, tidak kira berapa 'keras' mereka mencuba untuk meyakinkan pelakunya bahawa mereka setia. Pada peringkat permulaan pelaku mungkin mendakwa beliau bimbangkan mangsa.

Bagaimanapun, lama-kelamaan ia berubah menjadi lebih mendesak untuk

mengetahui atau mengintip apa yang dilakukan pasangan ketika berada di belakangnya.

Antara tindakan tidak masuk akal dilakukannya termasuklah memeriksa telefon bimbit atau komputer pasangan menerusi pemasangan alat tertentu untuk merakam perbualan, perlakuan dan lokasi mangsa berada. Justeru, sekiranya ada dalam kalangan rakan anda menjadi mangsa, dia mungkin kelihatan ketakutan yang keterlaluan sekiranya pulang lewat ke rumah.

2. Terlalu cemburu

Pendera memiliki perasaan cemburu keterlaluan, terhadap sesiapa saja yang memiliki perhubungan dengan pasangannya, termasuk dengan anak mereka sendiri. Perasaan cemburu pendera tidak berhenti di situ, sebaliknya semakin meningkat. Untuk mengelakkan daripada berlaku pergaduhan secara lisan atau dipukul, mangsa mungkin terpaksa memutuskan hubungan dengan orang terdekat, yang dicemburui pendera.

Mangsa juga tidak lagi gemar memakai pakaian cantik atau bersolek untuk ke luar rumah kerana takutkan pendera. Situasi menjadi lebih parah apabila mangsa mengasingkan diri kerana tidak mahu bergaduh dengan pendera.

3. Pengasingan

Manipulasi adalah satu bahagian penting daripada kuasa dan kawalan. Pengasingan membolehkan pelaku memiliki lebih banyak kawalan ke atas mangsa. Antaranya, mungkin mangsa dihalang datang ke rumah keluarga sendiri atau menyertai acara sosial. Pen-





bungi beliau di tempat kerja berkali-kali atau merosakkan kenderaan mangsa supaya dia tidak boleh datang bekerja. Pelaku lebih suka melihat mangsa hilang pekerjaan daripada keluar bekerja. Pelaku turut tergamak memanipulasi mangsa dengan memberi ancaman. Antaranya pelaku memberitahu mangsa bahawa rakanannya suka mengganggu atau memberi pengaruh buruk kepada mangsa. Pengaruh manipulasi itu boleh mendorong mangsa untuk mempercayainya.

4. Penampilan mangsa pelik

Mangsa mungkin berpakaian 'pelik' untuk melindungi tubuhnya akibat kesan lebam dipukul dengan memakai pakaian berlapis-lapis. Malah, sekiranya anda nampak kecederaan pada bahagian matanya, mangsa cenderung memberikan jawapan tidak sepadan dengan luka dialaminya itu, seperti terjatuh atau terhantuk, sedangkan kesan itu mungkin jelas menunjukkan kesan tamparan.

Rumah mangsa juga sering kali berada dalam keadaan kemas. Ini berlaku kerana pendera akan membuat pelbagai alasan untuk mendera termasuk hal kecil seperti rumah bersepeh.

5. Berbeza tingkah laku

Pendera memiliki tingkah laku berbeza antara satu sama lain. Ada jenis pendera yang melakukan penderaan tanpa henti dan sepanjang masa.

Pada masa sama, ada pendera yang melakukan perbuatan itu hari ini, tetapi esok dipujuk dan mengajak pasangannya berbulan madu.

Malah ada pendera yang boleh 'dibaca' bila dia akan mengamuk dan yang 'tidak boleh dibaca' bila dia akan marah.

- kecederaan fizikal kepada mangsa.
- ⊕ Secara bersengaja atau dengan sedar mele-tak atau cuba **mele-takkan mangsa** dalam keadaan **ketakutan kecederaan fizikal**;
- ⊕ **Memaksa** atau **mengancam** mangsa untuk melakukan apa-apa **perbuatan seksual** yang mana mangsa berhak untuk tidak melakukannya;
- ⊕ **Mengurung** atau **menahan** mangsa **tanpa kerelaannya**; atau
- ⊕ Melakukan **khianat** atau **kemusnahan** atau **kerosakan** kepada **harta** dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kekusaran kepada mangsa.

Apakah yang patut dibuat oleh mangsa?

Di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, mangsa boleh mengambil tindakan berikut:

- ⊕ **Mendapatkan pertolongan** atau panduan daripada seorang **pegawai kebajikan**.
- ⊕ **Mendapatkan perlindungan**, pertolongan dan panduan daripada **pihak polis**.
- ⊕ Berjumpa atau **menghubungi peguam** atau **Pegawai Biro Bantuan Guaman**.
- ⊕ Membuat **laporan polis**.
- ⊕ **Memfailkan aduan** di mahkamah.
- ⊕ **Mendapatkan perintah** tertentu daripada **mahkamah**, termasuk **perintah perlindungan**, pampasan, pemulihan psikoterapi, kaunseling, perdamaian dan sebagainya.

Biar apa pun gaya tingkah laku pendera, hakikatnya nyawa mangsa selalu 'bagaikan berada di hujung tanduk'. Sekiranya anda memiliki rakan atau saudara mara yang menjadi mangsa dera atau pendera, segera dibantu kerana mereka amat memerlukan huluran pertolongan anda.